

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 JUNE 2016

Rakyat sedih Dr. Mahathir berpaling tadah – Nallakaruppan ^{um} - 17/6/2016

KUALA LUMPUR 16 Jun - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kini bersekongkol dengan pembangkang dan bermati-matian mahu memastikan kemenangan parti lawan sangat mengecewakan rakyat.

Presiden Parti India Bersatu Malaysia (MUIP), Tan Sri S. Nallakaruppan berkata, rata-rata rakyat yang menyokong Barisan Nasional (BN) melahirkan rasa kecewa dan sedih apabila melihat negarawan tersohor itu ti-



S. NALLAKARUPPAN

ba-tiba bersama pembangkang.

Jelasnya, hampir setiap pengundi yang ditemui beliau khususnya pengundi India melahirkan rasa terkejut dengan tindakan Dr. Mahathir yang selama ini setia kepada BN dan UMNO.

“Hampir setiap pengundi yang saya jumpa bercakap tentang Dr. Mahathir. Mereka sangat terkejut kerana selama ini Dr. Mahathir yang mengajar rakyat untuk terus menyokong ‘dacing’ khasnya masyarakat India. “Kini, apabila apa yang dihajati

tidak tercapai, agenda peribadi beliau tidak terlaksana, maka berjabat tanganlah beliau dengan pembangkang. Ini benar-benar menyebabkan ramai termasuk pengundi yang selama ini menghormati beliau bersedih,” katanya ketika menyampaikan ceramah dalam kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar baru-baru ini.

Dr. Mahathir dilihat berkempen dalam PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar bagi memastikan kekalahan calon BN walaupun sepanjang memegang tampuk kuasa, beliau menggesa rakyat menolak pembangkang.

Bagaimanapun, Nallakaruppan

yakin masyarakat serta pengundi tidak akan sesekali terpengaruh dengan dakyah yang dibawa oleh bekas Presiden UMNO itu.

“Pengundi tidak terpengaruh malah lebih pasti akan mengundi calon BN kerana selama ini kebanyakan masyarakat India melihat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai seorang pemimpin berjiwa rakyat.

“Bagi mereka, dalam banyak-banyak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib yang paling banyak menjaga kebajikan masyarakat India di negara ini, sudah tentu setiap kempen kebencian yang dilakukan oleh Dr. Mahathir tidak berjaya diresapi,” ujarnya.